

BUDAYA POLITIK KELAS MENENGAH MELAYU  
DARI ASPEK-ASPEK ORIENTASI POLITIK

4.1 Pengenalan

Budaya politik adalah merupakan taburan orientasi-orientasi masyarakat terhadap objek-objek politik. Oleh itu dalam bab ini pengkaji akan membincang dan membentangkan data-data dan hasil analisa dari kajian yang telah dilakukan terhadap responden golongan kelas menengah Melayu. Perbincangan tersebut adalah mencakupi aspek-aspek orientasi-orientasi seperti pengetahuan, perasaan dan penilaian. Dari orientasi tersebut nanti pengkaji akan cuba mengklasifikasikan jenis budaya politik responden kelas menengah Melayu, adakah ianya bersifat peserta, tertakluk atau sempit.

Secara umumnya, budaya politik peserta akan menunjukkan bahawa responden tersebut adalah terdedah kepada ketiga-tiga jenis orientasi iaitu pengetahuan, penilaian dan perasaan terhadap politik dan sistem politik, proses 'input', proses 'output' dan diri sebagai peserta dalam dalam sistem politik tersebut. Budaya politik tertakluk pula memperlihatkan bahawa hanya aspek sistem politik dan aspek 'output' sahaja yang diketahui. Sementara budaya politik sempit pula wujud apabila responden langsung tidak diorientasikan terhadap keempat-empat aspek tersebut.

## 4.2 Orientasi Pengetahuan

Dalam bahagian ini pengkaji akan menampilkan 4 aspek sebagai ukuran untuk menguji dan menganalisa pengetahuan mengenai politik para responden. Aspek tersebut ialah pengetahuan mengenai politik dan kerajaan, objek 'input', objek 'output' dan hak-hak diri sendiri sebagai objek dalam sistem tersebut.

### 4.2.1 Pengetahuan Tentang Politik dan Kerajaan.

Aspek pertama dari dimensi pengetahuan yang telah dikaji ialah mengenai pengetahuan tentang politik dan kerajaan. Adakah responden mengetahui apakah yang dikatakan sebagai politik dan peranannya serta pengetahuan mengenai kerajaan? Untuk itu dua soalan telah dikemukakan. Soalan pertama, adakah anda sedar bahawa kekuasaan politik boleh menentukan nasib anda? Jawapan responden dibentangkan dalam jadual 4.1 berikut.

Jadual 4.1: Kekuasaan Politik Boleh Menentukan Nasib

Jawapan	Bilangan	Peratus(%)
Ya	28	82
Tidak	6	18
Jumlah	34	100

Dari jadual 4.1, majoriti responden iaitu sebanyak 82% menjawab 'ya' dan 18% pula menjawab 'tidak'. Bagi

pengkaji, salah satu dari pembicaraan bidang politik adalah berkenaan proses mendapatkan kuasa dan penguatkuasaan. Dalam aspek ini pihak yang berkuasa mempunyai kuasa tertentu untuk mentadbir negara. Jadi pengkaji menyimpulkan bahawa masyarakat yang mengetahui aspek tersebut adalah masyarakat yang mengetahui tentang peranan yang dimainkan oleh politik. Bagi pendapat pengkaji dari jadual 4.1 tadi menunjukkan responden mempunyai pengetahuan tentang politik dan peranan-peranannya.

Seterusnya pengkaji mengemukakan soalan mengenai berita dan laporan dari media massa mengenai politik dan hal-ehwal awam. Bagi pengkaji, alasan untuk mengemukakan soalan ini ialah kerana media massa merupakan sumber utama tentang politik dan kerajaan amnya. Soalan yang dikemukakan ialah, adakah anda mengikuti berita dan laporan mengenai politik dan hal-ehwal awam? Responden diminta menjawab samada sentiasa, dari semasa ke semasa atau tidak pernah. Jawapan responden dikemukakan dalam jadual 4.2 berikut.

Jadual 4.2: Taburan Mengikuti Berita dan Laporan Mengenai Politik dan Hal-Ehwal Awam

	Bilangan	Peratus(%)
Mengikuti Berita		
Sentiasa	20	59
Dari semasa ke semasa	14	41
Tidak pernah	-	-
Jumlah	34	100

Jadual 4.2 di mukasurat sebelah menunjukkan kesemua responden mengikuti berita dan laporan mengenai hal-ehwal awam dan politik samada sentiasa atau dari semasa ke semasa. Tiada responden yang menjawab 'tidak pernah'. Ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan tentang kerajaan dan politik secara amnya.

#### 4.2.2 Pengetahuan Tentang Objek-Objek 'Input'

Pengetahuan responden mengenai objek-objek 'input' adalah aspek kedua yang dibentangkan oleh pengkaji. Objek 'input' adalah berkenaan dengan aliran permintaan dari masyarakat kepada kerajaan dan proses-pross permintaan masyarakat kepada polisi-polisi atau dasar-dasar tertentu. Di antara struktur terlibat dalam proses tersebut ialah kumpulan pendesak atau minat dan parti politik.

Kumpulan pendesak dan parti politik adalah merupakan organisasi penting dalam masyarakat. Organisasi tersebut bertindak mewakili hasrat dan objektif sesuatu golongan (45). Pengetahuan dan tanggapan responden mengenai mengenai kumpulan pendesak dan kumpulan minat perlu diketahui untuk melihat samada mereka memberikan perhatian kepada objek 'input' atau sebaliknya. Untuk itu soalan dikemukakan untuk

---

45. Duverger, M, The Idea of Politics: The Uses Power In Society, Illinois, A Gateway Edition, (1966).  
Mukasurat 105.

menguji pengetahuan mereka mengenai kumpulan pendesak di negara ini. Jadual 4.3 berikut membentangkan jawapan mereka.

Jadual 4.3: Taburan Pendapat Responden Mengenai Kumpulan Pendesak dan Kumpulan Minat

Pendapat responden	Bilangan	Peratus(%)
Mereka memainkan peranan penting dan perlu	7	21
Mereka adalah organisasi berguna dan tidak berperanan penting	18	53
Kumpulan tersebut harus diharamkan	9	26
Jumlah	34	100

Kumpulan pendesak bukanlah merupakan organisasi yang merebut kuasa tetapi berjuang untuk mempengaruhi kerajaan dengan cara mendesak di samping cuba mempertahankan hak-hak ahli mereka (46). Jadual 4.3 menunjukkan 53% responden berpendapat bahawa kumpulan pendesak adalah berguna tetapi tidak berperanan penting. Sementara 21% responden menganggap kumpulan tersebut adalah penting dan perlu. Bagi pengkaji, responden tersebut mengetahui akan peranan kumpulan pendesak sebagai alat untuk membuat tuntutan kepada kerajaan. Ini menunjukkan responden berkenaan mengetahui tentang objek-

46. Duverger, M, Party Politics and Pressure Groups, Britain: Thomas Nelson Ltd. (1974). Mukasurat 1-2.

menunjukkan responden berkenaan mengetahui tentang objek-objek 'input' dan saluran-saluran tertentu mengenai aliran proses dari bawah ke atas. 26% responden nampaknya tidak mengemari kumpulan pendesak. Ini bukan bermakna bahawa mereka tidak mengetahui akan peranan kumpulan tersebut tetapi mereka melihat kumpulan ini dari sudut negatif; mungkin sebagai anti kerajaan.

Struktur kedua yang terlibat dalam proses 'input' ialah parti politik. Parti politik mempunyai matlamat tertentu untuk merebut kuasa dengan cara memenangi pilihanraya (47). Parti yang menang berhak menjalankan aktiviti atau melaksanakan polisi-polisi tertentu. Ini adalah merupakan salah satu daripada proses 'input'. Seterusnya pengkaji akan membentangkan pendapat responden mengenai jenis parti yang sesuai di Malaysia. Jadual 4.4 membentangkan jawapan responden.

Jadual 4.4: Taburan Pendapat Responden Mengenai Jenis Parti Yang Sesuai Di Malaysia.

Jenis Parti	Bilangan	Peratus(%)
Parti Perkauman	3	9
Parti Berbilang Kaum	18	53
Parti berdasarkan Idealogi	1	3
Parti Berdasarkan Agama	12	35
Jumlah	34	100

Dalam jadual 4.4 dari mukasurat sebelah, menunjukkan hanya 12% responden menyatakan parti perkauman dan parti berdasarkan idealogi adalah jenis parti yang sesuai di Malaysia. 53% responden pula berpendapata parti berbilang kaum adalah sesuai. Di Malaysia parti yang mewakili satu kaum sukar untuk memenangi pilihanraya. Ini secara tidak lansung menunjukkan parti berkenaan tidak dapat melaksanakan perjuangan dan harapan mereka. Maka dengan itu impian dan harapan penyokong berkenaan tidak tercapai. Jadual 4.4 juga menunjukkan 35% responden berpendapat parti berdasarkan agama adalah sesuai di Malaysia. Penemuan ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana kesemua responden dalam kajian ini adalah beragama Islam, maka sudah tentulah agama yang dimaksudkan di sini ialah Islam juga. Islam adalah agama yang universal dan sudah tentu tidak menjadi masalah jika parti Islam dapat memerintah.

Aspek pengetahuan responden tentang objek input dapat dilihat dengan jelas lagi melalui hasil temuramah pengkaji. Seorang pegawai menyatakan, 'Parti bercorak perkauman belum tentu menjamin kestabilan politik melainkan parti tersebut bergabung dengan parti kaum lain seperti Barisan nasional, maka dengan itu kepentingan rakyat pelabagai bangsa akan terjamin'.

Seorang pegawai kerajaan pula berpendapat, 'Parti berdasarkan idealogi sukar untuk mendapat tempat di negara ini'.

#### 4.2.3 Pengetahuan Tentang Objek-Objek 'Output'

Aspek ketiga yang telah dianalisa dalam orientasi pengetahuan ialah tentang objek-objek 'output'. Sejujukanmanakah responden dapat merasakan kesan pentadbiran terhadap diri mereka? Objek-objek 'output' adalah merujuk kepada penguatkuasaan polisi, undang-undang dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Salah satu pertanyaan yang dikemukakan kepada responden ialah sejujukanmanakah mereka mengetahui dan merasakan kesan aktiviti kerajaan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Hasilnya dibentangkan dalam jadual 4.5 berikut.

Jadual 4.5: Kesan Aktiviti Kerajaan Terhadap Kehidupan Sehari-hari.

Kesan kerajaan	Bilangan	Peratus(%)
Banyak kesan	22	65
Sedikit kesan	12	35
Tidak ada kesan	-	-
Tidak tahu	-	-
Jumlah	34	100

Dari jadual 4.5, didapati sebahagian besar daripada responden iaitu 65% mengakui bahawa aktiviti kerajaan membawa banyak kesan terhadap kehidupan seharian mereka. Manakala sebahagian lagi responden iaitu 35% merasa sedikit kesan. Penemuan ini menunjukkan sebahagian besar responden mengetahui dan menyedari tentang objek-objek 'output'.



Pengkaji juga merasa bertuah apabila penemuan ini diperkukuhkan lagi dengan tiadanya responden menyatakan 'tidak tahu' atau 'tiada kesan'. Bagi pengkaji, penemuan ini adalah positif dan sepatutnya demikian kerana kalangan responden yang dipilih adalah terdiri dari mereka yang berpendidikan tinggi.

#### 4.2.4 Pengetahuan Mengenai Diri Sebagai Objek

Orientasi pengetahuan seterusnya adalah mengenai diri sebagai objek. Aspek ini memperlihatkan tentang pengetahuan individu mengenai dirinya sebagai anggota sistem politik negaranya dan pengetahuan mengenai hak-haknya, kewajipannya dan strateginya untuk mempengaruhi golongan yang berpengaruh dalam kerajaan.

Untuk melihat kepada aspek tersebut para responden telah dikemukakan dengan dua kenyataan dan meminta mereka menjawab samada bersetuju atau tidak. Jadual responden dibentangkan dalam jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6: Taburan Pendapat Responden Terhadap Kenyataan\* Yang Dikemukakan

Kenyataan*	Pendapat responden/Bilangan		Jumlah(%)
	Setuju (%)	Tidak setuju (%)	
1	10 (29)	24 (71)	34 (100)
2	14 (41)	20 (59)	34 (100)

\* Nota: Kenyataan yang dikemukakan ialah : (sambung sebelah)

1. Mengundi adalah satu-satunya cara orang seperti saya dapat menyatakan bagaimana sesebuah kerajaan harus menjalankan pentadbirannya.
2. Orang seperti saya tidak mempunyai kuasa terhadap apa kerajaan lakukan.

Jadual 4.6 dari mukasurat sebelah menunjukkan 71% daripada responden tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mengundi adalah satu-satunya cara untuk menyatakan pendapat. Kemudian kenyataan kedua, iaitu, 'orang seperti saya tidak mempunyai kuasa terhadap apa kerajaan lakukan', majoriti responden iaitu 59% tidak bersetuju. Data ini jelas menunjukkan bahawa responden memahami dan mengetahui akan kuasa dan hak-haknya dalam sistem politik negara. Pengkaji juga berpendapat, selain dari mengundi, responden juga mempunyai pelbagai cara untuk menyatakan pendapat mereka.

Untuk menguji kesahihan penemuan tersebut, responden telah diminta menyatakan apakah cara dan tindakan yang diambil jika mereka tidak bersetuju dengan mana-mana keputusan kerajaan. Jadual 4.7 berikutnya membentangkan jawapan mereka.

---

Jadual 4.7: Taburan Tindakan Responden Jika Tidak Bersetuju Dengan Mana-Mana Polisi Kerajaan.

Tindakan	Bilangan	Peratus(%)
A. Menulis atau bercakap kepada:-		
1. Menteri berkenaan	6	4
2. Pegawai kerajaan	14	9
3. Wakil rakyat setempat	12	8
4. Pemimpin parti pembangkang	2	1
B. Menulis kepada akhbar mengenainya.	18	12
C. Menyuarakannya dalam seminar atau forum rakyat.	15	10
D. Tidak mengundi untuk parti itu dalam pilihanraya akan datang.	20	14
E. Diam sahaja dan kadang-kadang berbincang dengan rakan-rakan.	8	5
Jumlah	95	63

Nota; Setiap responden membuat pilihan lebih dari satu.  
Oleh itu jumlah bilangan lebih dari 100%.

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa cara mengundi untuk menyatakan pendapat hanyalah merupakan salah satu tindakan yang akan diambil oleh responden. Terdapat cara-cara lain seperti yang terdapat di dalam jadual 4.7 yang akan digunakan oleh responden untuk menyatakan bantahan terhadap polisi-polisi kerajaan yang tidak dipersetujui. Contohnya menulis surat atau bercakap kepada wakil rakyat, pegawai kerajaan dan menulis di akhbar adalah merupakan tindakan-tindakan yang

aktif. Pengkaji berpendapat, penemuan dalam jadual 4.7 ini mengukuhkan lagi penemuan di dalam jadual 4.6 sebelum ini. Ini menjelaskan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai hak-haknya dalam sistem politik di Malaysia.

Untuk melihat perkara dengan lebih lanjut lagi, pengkaji juga akan mengemukakan pendapat responden semasa temuramah. Seorang pengurus syarikat memberitahu, 'Untuk mengemukakan pendapat atau bantahan, seelok-eloknya pihak terlibat diberitahu secara bertulis atau diadakan satu majlis dialog, kerana cara ini berkesan dalam jangka pendek, berbanding dengan bantahan melalui cara tidak mengundi parti berkenaan'.

Seorang peguam pula berpendapat, 'Melalui persatuan yang disertai, kita boleh mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan untuk mengemukakan pendapat'.

Hasil dari temuramah dengan responden tersebut, pengkaji berpendapat bahawa penglibatan mereka dalam persatuan-persatuan tertentu adalah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka mempunyai idea-idea yang banyak dan pengetahuan yang cukup mengenai strategi dan hak-hak mereka sebagai objek politik dalam sistem politik negara ini.

---

### 4.3 Orientasi Perasaan

Orientasi perasaan adalah merujuk kepada keadaan emosi dan sentimen terhadap sistem politik dan kerajaan termasuk proses-proses 'output' dan 'input'. Dalam bahagian ini pengkaji akan menumpukan perhatian pada kesan sistem secara keseluruhan terhadap sikap dan perasaan responden. Pengkaji juga akan membentangkan aspek kesan 'output' iaitu sikap responden terhadap pihak yang terlibat melaksanakan polisi-polisi kerajaan. Akhir sekali pengkaji juga akan menyentuh aspek kesan 'input'; sikap responden terhadap proses-proses pemilihan individu.

#### 4.3.1 Perasaan Terhadap Sistem Politik dan Kerajaan

Perasaan terhadap sistem politik dan kerajaan adalah aspek pertama dari orientasi perasaan yang telah dianalisa oleh pengkaji. Melalui aspek ini pengkaji telah mengemukakan tiga soalan kepada responden untuk mengukur sikap dan perasaan mereka terhadap sistem politik dan kerajaan. Responden diminta untuk mengemukakan pendapat samada perjalanan sistem politik demokrasi sesuai di Malaysia atau sebaliknya. Jawapan responden dibentangkan dalam jadual 4.8 berikut.

Jadual 4.8: Pendapat Responden Mengenai Kesesuaian Demokrasi di Malaysia

Pendapat responden	Bilangan	Peratus(%)
Tidak tahu	-	-
Tidak sesuai	2	6
Sebahagiannya sahaja	18	53
Sesuai dan patut di teruskan	14	41
Jumlah	34	100

Sebahagian besar responden iaitu 53% berpendapat bahawa hanya sebahagian sahaja sistem politik demokrasi ini adalah sesuai di Malaysia dan 41% berpendapat adalah sesuai dan patut diteruskan. Tiada responden yang menyatakan 'tidak tahu' dan hanya 6% sahaja menyatakan tidak sesuai. Responden yang berpendapat hanya sebahagiannya sahaja yang sesuai adalah bertentangan dengan jangkaan pengkaji. Bagi pengkaji sistem demokrasi memang sesuai di Malaysia berbanding dengan sistem lain seperti komunis ataupun sosialis. Hal ini menimbulkan tanda tanya kepada pengkaji. Mengapa responden bersikap demikian? Untuk itu perbandingan terhadap jawapan tersebut akan dilihat dengan jawapan soalan yang kedua. Soalan tersebut ialah, 'Jika sesuai, adakah kerajaan sekarang ini masih boleh diteruskan?' Jawapan responden dibentangkan dalam jadual 4.9.

Jadual 4.9: Pendapat Responden Mengenai Kerajaan Sekarang

Pendapat responden	Bilangan	Peratus(%)
Tidak berkenaan (tidak sesuai)	2	6
Sesuai kerana tradisi	9	26
Sesuai kerana peka terhadap rakyat	6	18
Sesuai tetapi perlu juga parti pembangkang	17	50
Jumlah	34	100

Jadual 4.9 menunjukkan separuh dari responden iaitu 50% menyatakan sesuai tetapi perlu juga parti pembangkang. 26% menjawab sesuai kerana tradisi dan 18% berpendapat sesuai kerana peka terhadap kehendak rakyat. Dari perbandingan yang dibuat dengan jadual 4.8, responden yang menyatakan 'sesuai kerana tradisi dan peka terhadap rakyat' (jadual 4.9) adalah hampir sama dengan jawapan 'sesuai dan patut diteruskan' (jadual 4.8). Sementara responden yang berpendapat sesuai tetapi perlu juga parti pembangkang ' adalah hampir sama dengan jawapannya sebahagiannya sahaja (jadual 4.8), jawapan ini ternyata bertentangan.

Dari perbandingan yang dibuat, pengkaji berpendapat kemungkinan terdapatnya salah tanggapan responden terhadap soalan yang dikemukakan. Kemungkinan responden mengaitkan amalan demokrasi dengan kerajaan sekarang ini, bukannya memerhatikan secara khusus terhadap kesesuaian sistem demokrasi tersebut di negara ini. Seterusnya kewujudan parti

pembangkok adalah merupakan ciri-ciri demokrasi yang menggalakkan pelbagai parti dan kebebasan bersuara. Bagi pengkaji jika kemungkinan yang dikemukakan tadi benar, maka pengkaji berpendapat bahawa penemuan ini menggambarkan suatu perasaan tidak puashati setengah responden terhadap kerajaan yang ada kini. Mungkin juga responden menganggap bahawa kerajaan tidak menjalankan demokrasi sepenuhnya. Selain itu pengkaji juga membandingkan penemuan jadual 4.8 dan 4.9 dengan penemuan dari jadual 4.4 di mukasurat 62, iaitu mengenai jenis parti yang sesuai di Malaysia. Pengkaji berpendapat, mungkin juga responden melihat sistem politik Islam ini lebih sesuai di Malaysia berbanding dengan sistem demokrasi.

Seterusnya, ukuran ketiga yang pengkaji gunakan untuk menguji perasaan responden ialah dengan mengetahui komunikasi politik mereka. Responden dikemukakan dengan soalan berikut, 'bagaimana dengan bercakap mengenai politik dan hal-ehwal awam dengan orang lain?' Taburan jawapan responden dapat dilihat dalam jadual 4.1(a) berikut.

Jadual 4.1(a): Taburan Bercakap Politik Dengan Orangramai

Bercakap politik	Bilangan	Peratus (%)
Bercakap hampir setiap hari	14	41
Kadang-kadang bercakap	18	53
Tidak pernah bercakap	2	6
Jumlah	34	100



Bagi masyarakat yang ingin menyertai proses politik demokrasi, mereka terlebih dahulu merasakan adanya jaminan selamat untuk melakukannya. Mereka tidak merasakan adanya risiko jika mereka menyatakan pendapat politik masing-masing dan mereka merasa bebas untuk bertukar fikiran dengan orang lain (48). Dari jadual 4.9 (a), didapati hanya 6% responden tidak pernah bercakap politik dengan orang lain. Manakal selebihnya pula pernah bercakap samada setiap hari atau kadang-kadang. Ini membayangkan bahawa responden berkenaan merasakan diri mereka selamat untuk berbuat demikian.

#### 4.3.2 Perasaan Terhadap Proses dan Objek 'Output'

Aspek kedua dalam orientasi perasaan yang dibincangkan ialah mengenai perasaan mereka terhadap proses-proses dan objek 'output'. Almond dan Verba berpendapat bahawa perasaan-perasaan yang dimiliki oleh masyarakat terhadap kerajaan mungkin berpunca dari harapan mereka iaitu bagaimana mereka dilayan atau diperlakukan oleh kerajaan (49). Oleh itu untuk mengetahui perasaan responden terhadap kerajaan dan proses 'output', mereka dikemukakan dengan soalan, 'Pada pendapat anda berapa banyakkah perhatian yang diberikan oleh kerajaan terhadap pendapat rakyat semasa ia membuat keputusan?' Perlu juga diingatkan, keputusan-keputusan kerajaan dalam bentuk polisi-polisi, undang-undang

---

48. Almond, G dan Verba, S, op. cit. Mukasurat 78

49. Almond, G dan Verba, S, ibid, mukasurat 68.

atau dasar-dasar tertentu adalah merupakan objek 'outputnya' sementara perhatian kerajaan terhadap pendapat rakyat pula merupakan proses 'output'. Jadual 4.2 (a) berikut membentangkan pendapat responden.

Jadual 4.2 (a): Taburan Pendapat Responden Mengenai Perhatian Kerajaan Terhadap Pendapat Rakyat

Perhatian Kerajaan	Bilangan	Peratus(%)
Perhatian yang banyak	8	24
Perhatian yang sederhana	13	38
Sedikit perhatian	10	29
Tidak ada perhatian	3	9
Jumlah	34	100

Jadual 4.2 (a) menunjukkan kecenderungan responden berpendapat bahawa kerajaan memang ada memberikan perhatian pada pendapat rakyat. 62% responden berpendapat bahawa kerajaan memberikan perhatian yang banyak dan sederhana terhadap pendapat rakyat. Ini menunjukkan bahawa responden berkenaan mempunyai tanggapan yang positif terhadap 'output' kerajaan. Usaha-usaha dari kerajaan untuk menerima pendapat rakyat dapat dilihat melalui majlis dialog, perhimpunan agung parti-parti dan juga melalui penubuhan jawatankuasa tertentu. Sementara itu, dari jadual 4.2 (a) juga menunjukkan 38% responden mempunyai tanggapan negatif dengan berpendapat bahawa hanya sedikit perhatian dan tidak ada perhatian yang diberikan. Responden ini mungkin dari mereka yang mempunyai maklumat tambahan mengenai isu-isu politik Malaysia. Memang

tidak dinafikan bahawa sejak kebelakangan ini terdapat isu-isu yang dianggap oleh pihak yang berkepentingan. Umpamanya isu Tun Salleh Abbas, pembinaan tol, rasuah dan pecah amanah. Golongan yang berkepentingan tersebut sudah tentu memandangkan kerajaan dari sudut yang negatif.

Pegawai-pegawai kerajaan adalah diantara pihak yang terlibat di dalam proses-proses 'output'. Responden diminta untuk menyatakan samada bersetuju atau tidak dengan kenyataan berikut, 'Pegawai kerajaan tidak begitu peduli dengan apa orang seperti saya fikir'. Jawapan responden dapat dilihat pada jadual 4.3 (a) berikut.

Jadual 4.3 (a): Taburan Pendapat Responden Mengenai Ketidakpedulian pegawai Kerajaan

Pendapat responden	Bilangan	Peratus(%)
Setuju	12	35
Tidak setuju	22	65
Jumlah	34	100

Data dari jadual 4.3 (a) menunjukkan 65% responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Pengkaji merasa bernasib baik kerana data tersebut menunjukkan sesuatu yang positif dan tidak bertentangan dengan penemuan-penemuan dari data lain. Apa yang menarik dari jadual tersebut ialah majoriti responden tidak mempunyai rasa rendah diri terhadap pegawai kerajaan. Penemuan ini bukanlah sesuatu yang pelik kerana kesemua responden yang terpilih adalah terdiri dari

mereka yang berpendidikan tinggi. Dengan sebab itu, mereka juga mempunyai pengetahuan yang baik dan diperkuatkan lagi dengan penglibatan mereka di dalam beberapa persatuan sukarela. Disebabkan ciri-ciri tersebut, mustahil bagi pegawai kerajaan tidak menghiraukan pendapat mereka. Pengkaji berpendapat bahawa dengan pengetahuan yang ada responden berkenaan tidak memandang pegawai kerajaan secara negatif. Penemuan dalam jadual 4.6 dan jadual 4.7 menguatkan lagi data ini.

#### 4.3.3 Perasaan Terhadap Proses dan Objek 'Input'

Ahli-ahli politik adalah merupakan salah satu dari individu yang terlibat dalam proses-proses 'input' kerajaan. Penganalisaan terhadap pendapat responden mengenai ahli politik adalah penting untuk mengukur perasaan mereka terhadap proses-proses 'input'. Responden telah diminta mengemukakan pendapat mereka dan hasilnya dibentangkan dalam jadual 4.4 (a).

Jadual 4.4 (a): Taburan Pendapat Responden Mengenai Ahli Politik

Perndapat responden	Bilangan	Peratus(%)
Ahli politik boleh dipercayai selalu	3	9
Ahli poltik suka membuat janji tetapi hanya memenuhi sebilangan	24	71
Saya tidak percaya kata-kata ahli-ahli poltik	7	20
Jumlah	34	100

Jadual 4.4 (a) menunjukkan majoriti responden mempunyai tanggapan negatif terhadap ahli politik. 20% daripada responden tidak percaya akan kata-kata ahli politik dan 71% melihat ahli politik hanya tahu membuat janji tetapi memenuhi sebahagiannya sahaja. Hanya 9% sahaja yang menganggap ahli politik boleh dipercayai. Hal ini menunjukkan bahawa terdapatnya perasaan tidak puashati dikalangan responden terhadap mereka. Soalnya, mengapa responden mempunyai perasaan sedemikian rupa? Hasil temuramah pengkaji menjelaskan keadaan tersebut.

Seorang guru sekolah menyatakan, 'Ahli politik sekarang tidak seperti dahulu. Dulu tokoh-tokoh politik, muncul kerana kaliber dan mempunyai jiwa sebagai penjuang masyarakat. Sekarang ahli politik yang ada, terdiri dari mereka yang banyak wang dan harta'.

Seorang akauntan pula berpendapat, 'Kebanyakan ahli politik sekarang lebih mementingkan soal-soal peribadi. Mereka semuanya mempunyai perniagaan tersendiri dan memegang beberapa saham syarikat besar. Urusan perniagaan dicampur-adukkan pula dengan urusan politik'.

Seorang peguam swasta pula seolah-olah menyokong pendapat tersebut. Beliau berpendapat, 'Tokoh politik yang ada sekarang, semuanya adalah ahli perniagaan yang berjaya di dalam karier mereka. Amat kurang ahli politik yang memiliki bakat sebagai pemimpin rakyat'.

Pegawai di salah sebuah agensi kerajaan pula menyatakan, 'Ahli politik yang kaya dan ahli politik yang mempunyai kelulusan akademik adalah merupakan dua ciri yang ada pada pemimpin sekarang. Tidak ada ahli politik yang benar-benar menumpukan perhatian atau peka dengan kehendak rakyat'.

Hasil dari temuramah tersebut, memperlihatkan para responden cenderung mengaitkan ahli politik dengan perniagaan dan kekayaan. 'Perlaksanaan DEB telah menghasilkan beberapa gejala. Pertama penubuhan agensi amanah Bumiputera dan kemampuannya untuk mendapatkan sumber kewangan mengakibatkan wujudnya satu sistem politik naungan. Kedua dengan bertambahnya kawalan kerajaan terhadap sumber ekonomi, asas kuasa mereka yang menguasai kerajaan bertambah. Seterusnya, ini membenarkan mereka mengejar kepentingan masing-masing, samada secara kolektif mahupun secara peribadi' (50).

Untuk menguatkan lagi hujah ini, pengkaji telah memetik kata-kata dari Dr. Firdaus GJ. Abdullah di dalam karya beliau yang bertajuk 'Kepimpinan Melayu'. Antara pendapatnya ialah, 'menjadi pemimpin politik terpilih melalui pilihanraya telah dianggap sebagai satu jalan yang paling singkat untuk menjadi orang berpangkat. Pilihanraya telah dianggap sebagai saluran atau alat yang

---

50. Hujah ini dikemukakan oleh Gomez, E.T, Politik Dalam Perniagaan: Pelaburan Korporat UMNO, Kuala Lumpur, Forum (1990). Mukasurat 11.

amat berkesan 'upward mobility'. Akibatnya ialah muncul beberapa pemimpin yang mahir berkata-kata tetapi jahil jika bekerja' (51).

Seterusnya dalam bahagian ini juga pengkaji telah menganalisa pendapat responden mengenai kempen politik. Kempen politik adalah merupakan salah satu proses-proses 'input'. Menurut Almond dan Verba, ciri-ciri penyertaan demokratis adalah tergolong dalam orientasi perasaan yang khusus dan tidak bersifat lalai. Tindakan tersebut membolehkan perasaan dapat diluahkan. Bila rentak kehidupan politik sedemikian mengancam ianya memerlukan satu batasan tertentu untuk mengawalinya (52).

Pilihanraya adalah merupakan salah satu proses yang memerlukan kempen. Menurut Dr. Firdaus lagi, kempen politik dalam pilihanraya bukan sahaja memberi rasa turut terlibat kepada rakyat dalam proses pemerintahan, tetapi juga membangkitkan berbagai-bagai harapan yang tinggi dan keinginan yang banyak di kalangan rakyat untuk menuntut berbagai kemudahan dan menyuarakan keyakinan dan pendapat. Kadang-kadang darjah politisasi ini terlalu tinggi hingga mengganggu keharmonian hidup masyarakat (53).

---

51. Firdaus Hj. Abdullah, Kepimpinan Melayu, Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn. Bhd. (1985). Mukasurat 24

52. Almond, G dan Verba, S, op. cit., mukasurat 85.

53. Firdaus Hj. Abdullah, op. cit., mukasurat 23.

Apakah pula perasaan responden terhadap kempen politik di negara ini? Jawapan mereka pengkaji bentangkan dalam jadual 4.5 (b) di bawah.

Jadual 4.5 (a): Taburan Pendapat Responden Mengenai Kempen Politik

Pendapat responden	Bilangan	Peratus(%)
Kebebasan kempen politik adalah perlu untuk mewujudkan kesedaran	20	59
Kempen harus dibatasi dalam masyarakat berbilang bangsa	11	32
Kempen politik harus dihapuskan sama sekali	3	9
Jumlah	34	100

Lebih daripada separuh responden dalam jadual 4.5 (a) iaitu 59% melihat kempen politik adalah perlu untuk mewujudkan kesedaran. Kesedaran yang dimaksudkan ialah kesedaran dan pengetahuan terhadap calon dan isu politik. Pengkaji juga telah mengaitkan hal ini dengan penemuan jadual 4.I (a) mengenai komunikasi politik di mukasurat 72. Almond dan Verba berpendirian bahawa pembicaraan politik adalah suatu bentuk penyertaan yang aktif berbanding dengan pembicaraan melalui media massa yang relatif pasif (54). Pembicaraan politik yang bebas melihatkan perasaan individu yang merasa aman dan tidak terancam. Bagi pengkaji 59% responden berkenaan memang aktif dan mengikuti kempen



politik. Oleh itu mereka tidak menganggap kempen politik sebagai sesuatu yang mengancam diri mereka.

Jadual 5.4 juga menunjukkan terdapat 32% responden berpendapat bahawa kempen politik harus dibatasi dalam masyarakat yang berbilang bangsa. Responden berkenaan memandang kempen politik sebagai sesuatu yang sensitif dan ahli politik yang terlibat perlu berhati-hati.

Sejarah sendiri telah membuktikan bahawa ketidakstabilan politik boleh mewujudkan rusuhan kaum seperti 'Tragedi 13 Mei'. Dengan itu adalah tidak menghairankan apabila responden berkenaan berperasaan bahawa politik adalah sesuatu yang sensitif.

#### 4.3.4 Perasaan Responden Terhadap Diri Sebagai Peserta Atau Objek Politik.

Perasaan responden terhadap dirinya sebagai peserta dapat dilihat dengan mengetahui keupayaan dirinya mempengaruhi kuasa politik. Seseorang yang aktif yakin akan dirinya boleh mempengaruhi keputusan kerajaan samada secara sendirian atau secara kolektif. Seorang yang pasif mempunyai perasaan yang sebaliknya. Dengan itu responden diminta untuk mengemukakan pendapat mereka samada bersetuju atau tidak dengan kenyataan berikut: 'Sebagai seorang individu, adakah anda fikir bahawa anda boleh mempengaruhi keputusan kerajaan? Jadual 4.6 (a) berikut membentangkan jawapan mereka.

Jadual 4.6 (a): Taburan Jawapan Responden Terhadap Keupayaan Mempengaruhi Keputusan Kerajaan

Mempengaruhi keputusan kerajaan	Bilangan	Peratu(%)
Ya	22	68
Tidak	12	35
Jumlah	34	100

Jadual 4.6 menunjukkan 65% responden beranggapan bahawa mereka boleh mempengaruhi keputusan-keputusan kerajaan. Penemuan ini sukar untuk dibuktikan kesahihannya samada tindakan mereka itu secara individu atau pun kolektif. 35% daripada responden mempunyai tanggapan bahawa mereka tidak boleh mempengaruhi keputusan kerajaan. Ini bermakna responden berkenaan melihat diri mereka sebagai objek yang pasif. Ini menunjukkan responden yang pasif tadi mempunyai corak budaya politik tertakluk. Berbanding dengan majoriti responden tadi yang melihat diri mereka berkebolehan untuk mempengaruhi keputusan kerajaan. Ini menunjukkan mereka digolongkan sebagai memiliki budaya politik peserta. Untuk memastikan kebenaran jawapan mereka ini pengkaji juga telah membentangkan hasil dari temuduga dengan mereka.

Seorang akauntan memberitahu, 'Bertindak seorang diri memang tidak boleh. Kita boleh dapatkan bantuan dari rakan-rakan yang sealiran atau rakan-rakan yang menjadi orang kuat dalam persatuan tertentu yang boleh mewakili kita untuk berbincang dengan pihak tertentu'.

Seorang jurutera mengemukakan pendapat, 'Pihak kerajaan akan melayan kita melalui tindakan secara beramai-ramai iaitu melalui satu pertubuhan yang mewakili kita'.

Bagi pengkaji, kini nyata bahawa responden yang aktif berkenaan bukannya bertindak secara individu sebaliknya bertindak secara kolektif untuk mempengaruhi pihak yang berkuasa. Ini menunjukkan responden berkenaan mempunyai perasaan yang positif dan aktif sebagai objek atau peserta dalam sistem politik negara.

#### 4.4 Orientasi Penilaian

Orientasi penilaian adalah merujuk kepada pendapat dan penilaian seseorang terhadap kerajaan dan objek-objek 'input' dan 'output' kerajaan. Tujuan bahagian ini adalah untuk mengetahui pendapat dan penilaian responden samada positif atau negatif. Untuk beberapa soalan telah dikemukakan kepada responden.

Apakah penilaian para responden terhadap kerajaan dan proses-proses 'input' termasuk pihak-pihak yang terlibat dalam proses tersebut. Untuk itu responden ditanya mengenai kecekapan kerajaan dalam menguruskan sumber-sumber negara. Jawapan responden dibentangkan dalam jadual berikutnya.

Jadual 4.7 (a): Taburan Jawapan Responden Mengenai Kecekapan Menguruskan Sumber Negara

Kecekapan kerajaan	Bilangan	Peratus(%)
Sangat cekap	7	21
Cekap	13	38
Kurang cekap	11	32
Membazir banyak wang	3	9
Jumlah	34	100

59% responden dalam jadual 4.7 (a) menjawab bahawa kerajaan sangat cekap dan cekap dalam menguruskan sumber-sumber negara. Responden tersebut mempunyai tanggapan yang positif terhadap kerajaan dan proses 'input' atau 'output'. Sementara itu 41% responden mempunyai anggapan yang negatif terhadap kecekapan kerajaan. Data ini menunjukkan kedudukan responden terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu menganggap kerajaan dari sudut yang negatif dan yang kedua menganggap kerajaan dari sudut yang positif.

Responden juga telah diminta untuk memberi penilaian mereka dengan mengemukakan pendapat mengenai projek-projek dan dasar kerajaan berikut:-

1. Projek kereta proton saga
2. Pembinaan Dataran Merdeka
3. Lebuhraya Utara-Selatan
4. Pembinaan Tol
5. Pembelian Alat-alat Tentera

6. Pelancongan dan Tahun Melawat Malaysia
7. Wawasan 2020
8. Penerapan Nilai Islam
9. Dasar Pandang ke Timur
10. Dasar Penswastaan
11. Persyarikatan Malaysia
12. Dasar Kebudayaan Kebangsaan
13. Dasar Ekonomi Baru  
(kini Dasar Pembangunan Nasional)
14. Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

Responden diminta untuk menyatakan jawapan mengikut susunan keutamaan seperti berikut:-

- 5- sangat setuju
- 4- setuju
- 3- seharusnya demikian/boleh demikian
- 2- kurang setuju/tidak patut demikian
- 1- sangat tidak setuju

Apakah pendapat responden mengenai projek-projek kerajaan?

Jawapan responden dibentangkan dalam jadual berikut.

Jadual 4.8 (a) : Penilaian Responden Mengenai Projek Kerajaan

Projek kerajaan	Susunan keutamaan/Bilangan					Jumlah(%)
	5(%)	4(%)	3(%)	2(%)	1(%)	
Proton Saga	14(41)	9(26)	11(33)	-	-	34(100)
Dataran Merdeka	4(12)	10(29)	20(59)	-	-	34(100)
Lebuhraya U-S	10(29)	13(38)	11(33)	-	-	34(100)
Pembinaan Tol	6(18)	5(15)	20(59)	3(9)	-	34(100)
Alat Tentera	13(38)	11(33)	10(29)	-	-	34(100)
Pelancungan & TMM	10(39)	12(35)	12(35)	-	-	34(100)

Jadual 4.8 (a) menunjukkan responden mempunyai tanggapan yang positif terhadap projek-projek kerajaan. Inilah adalah disebabkan kerana pengkaji telah meletakkan keutamaan 5 hingga 3 sebagai pendapat yang positif dan keutamaan 1 dan 2 sebagai penilaian yang negatif. Walau bagaimanapun terdapat 9% responden yang tidak bersetuju dengan pembinaan tol di jalanraya. Responden berkenaan tidak berpuashati dengan projek tersebut disebabkan terdapatnya bayaran tertindan di antara cukai jalan dengan bevaran tol.

Seterusnya responden juga diminta menilai dasar-dasar kerajaan. Penilaian responden pengkaji bentangkan dalam jadual berikut.

Jadual 4.9 (a): Penilaian Responden Mengenai Dasar Kerajaan

Dasar kerajaan	Susunan keutamaan/Bilangan					Jumlah(%)
	5(%)	4(%)	3(%)	2(%)	1(%)	
Wawasan 2020	20(59)	14(41)	-	-	-	34(100)
D.P. Nilai Islam	18(53)	16(47)	-	-	-	34(100)
D.Pandang ke Timur	22(65)	12(35)	-	-	-	34(100)
D.Penswastan	16(47)	6(18)	12(35)	-	-	34(100)
D.Persyarikatan M'sia	18(53)	6(18)	10(29)	-	-	34(100)
D. Kebudayaan	26(76)	7(21)	1(3)	-	-	34(100)
D. Ekonomi Baru	14(42)	10(29)	10(29)	-	-	34(100)
PDPN	16(47)	7(21)	11(32)	-	-	34(100)

Seperti jadual sebelum ini, responden juga telah menunjukkan satu penilaian yang positif terhadap dasar-dasar yang telah dilaksanakan kerajaan. Paling menarik sekali

responden memberikan pendapat samada sangat setuju dan setuju terhadap dasar Wawasan 2020, Penerapan Nilai-nilai Islam dan Dasar Pandang ke Timur.

#### 4.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab ini telah cuba memperlihatkan apakah jenis budaya politik para responden sebagai mewakili kelas menengah Melayu khususnya di Kuala Lumpur. Penganalisaan telah dibuat terhadap orientasi pengetahuan, orientasi perasaan dan orientasi penilaian para responden terhadap sistem politik Malaysia secara am, 'input' dan 'output' kerajaan dan diri sebagai peserta.

Secara keseluruhannya responden telah terbahagi kepada dua kumpulan dari sudut orientasi-orientasi. Orientasi pengetahuan responden adalah tinggi. Mereka sedar tentang sistem dan hal-ehwal serta politik di Malaysia. Tetapi dari aspek 'input', penemuan menunjukkan terdapat dua kumpulan yang berbeza. Kumpulan pertama yang merupakan majoriti, lebih mengetahui tentang aspek-aspek tersebut berbanding dengan dengan kumpulan kedua yang agak kurang terdedah dengan 'input'. Penemuan ini berbeza pula dengan hasil analisa pengetahuan responden terhadap aspek 'output' kerajaan. Penemuan tersebut menunjukkan bahawa responden mempunyai orientasi yang tinggi. Dari aspek pengetahuan mengenai diri sebagai objek pula menunjukkan keadaan yang sama seperti seperti aspek 'input' tadi; sebahagian kecil responden agak pasif kerana kurang pengetahaun mengenai hak-hak dan strategi

untuk menguasai pihak yang berkuasa.

Orientasi perasaan juga menunjukkan keadaan yang sama seperti orientasi pengetahuan tadi. Sebahagian besar responden menunjukkan kadar orientasi yang tinggi terhadap sistem politik secara am dan 'output' kerajaan tetapi masih terdapat juga responden walaupun bilangan yang kecil, agak kurang terdedah pada aspek 'input' dan diri sebagai peserta yang aktif. Responden berkenaan boleh digolongkan sebagai setia kepada kerajaan yang ada sementara selebihnya pula digolongkan sebagai responden yang aktif dan bersifat peserta

Dari segi orientasi penilaian pula majoriti responden menunjukkan satu penilaian yang positif terhadap projek-projek kerajaan dan dasar-dasar yang telah dilaksanakan. Tetapi dari segi kecekapan kerajaan menguruskan sumber-sumber negara menunjukkan responden berbahagi pendapat. Setengah dari mereka berpendapat kerajaan tidak cekap. Mungkin pendapat mereka berdasarkan kepada projek-projek kerajaan yang dianggap sebagai 'gajah putih' seperti pembinaan bangunan Dayabumi. Manakala responden selebihnya pula mempunyai tanggapan yang positif terhadap kecekapan kerajaan.

Secara keseluruhannya, penemuan di dalam bab ini membenarkan pendapat Almond dan Verba bahawa budaya politik yang wujud hanyalah budaya politik campuran. Berdasarkan pendapat tersebut, pengkaji berpendapat bahawa budaya politik kelas menengah Melayu adalah bercorak tertakluk-peserta.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pengkaji telahpun membentangkan empat bab untuk tujuan kajian ini. Dalam bab pertama pengkaji telahpun menyentuh beberapa perkara asas yang menjadi latar belakang kajian ini. Perkara yang penting sekali ialah mengenai maklumat latar belakang responden. Maklumat tersebut adalah penting kerana pengkaji cuba mengaitkannya dengan penganalisaan mengenai kelas menengah di bab yang ketiga. Bab ini juga mengandungi data-data mengenai latar belakang kawasan. Kawasan yang dimaksudkan ialah Kuala Lumpur. Data-data mengenai kawasan dan penduduk adalah perlu juga dibentangkan agar gambaran mengenai kelas menengah dapat dijelaskan melalui bab-bab berikutnya.

Dalam bab kedua pula, pengkaji telah menyentuh tentang definisi dan konsep budaya politik. Perbincangan awal adalah mengenai konsep budaya politik yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana seperti John Gray, Lucian Pye, Dennis Kavanagh, Gabriel Almond dan Sidney Verba. Para sarjana tersebut telah mengemukakan beberapa konsep dan definisi yang berbeza. Tetapi perbezaan tersebut tidaklah kabur seperti konsep kelas menengah. Kebanyakan para sarjana tersebut lebih menekankan aspek psikologi untuk digunakan dalam pengkajian dan pendekatan budaya politik.

Almond dan Verba umpamanya tidak mahu terlalu menumpukan perhatian kepada aspek budaya itu sendiri. Aspek

budaya di dalam disiplin Antropologi dan Sosiologi itu sendiri terlalu kompleks. Maka dengan itu Almond dan Verba mengambil langkah mudah dengan mengutamakan objek-objek sosial seperti yang terdapat di dalam skop psikologi sosial sebagai kaedah utama untuk mengkaji politik masyarakat dari perpekstif budaya politik.

Untuk tujuan kajian ini juga, pengkaji telah menggunakan model yang disarankan oleh Almond dan Verba sebagai kaedah untuk mengkaji budaya politik kelas menengah Melayu. Model tersebut menekankan aspek perasaan, penilaian dan pengetahuan yang diserapkan ke dalam aspek sistem politik, keputusan kerajaan, individu yang terlibat, permintaan masyarakat dan sikap diri di dalam sistem politik tersebut.

Tumpuan kajian budaya politik ini ditujukan kepada kelas menengah Melayu. Sebelum kajian dibuat, maka adalah perlu untuk mengenal pasti golongan tersebut. Siapakah yang dikatakan sebagai kelas menengah Melayu? Apakah garis pemisah yang menentukan kedudukan kelas menengah berbeza dengan kelas yang lain? Persoalan tersebut adalah penting sebelum kajian ini dijalankan. Maka dengan itu pengkaji telah membentangkan di dalam bab ketiga segala data mengenai kelas menengah.

Konsep kelas menengah didapati begitu longgar dan kabur. Sarjana-sarjana moden seperti Raynor, Mills, Abercrombie, Urry, Poulantzas, Johnson dan Dahrendorf

mengemukakan konsep-konsep yang tidak jitu. Tetapi yang pasti ialah mengenai idea mereka menggunakan kriteria-kriteria tertentu untuk mengenal pasti kelas menengah adalah merupakan landasan yang pengkaji gunakan untuk tujuan kajian ini. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti pekerjaan, pendidikan dan pendapatan.

Sebelum itu, pengkaji juga telah menyentuh teori-teori klasik oleh Marx dan Weber. Tujuannya ialah supaya pengkaji dapat mengetahui serba sedikit latar belakang mengenai kajian bidang susunlapis masyarakat ini. Ternyata sekali bahawa pendekatan yang digunakan oleh Marx iaitu kadar pemilikan harta adalah tidak bersesuaian lagi dengan keadaan masyarakat pada masa ini. Kini tahap pemilikan dan cara pemilikan juga turut berubah. Jika pada masa Marx dahulu, pemilikan harta diperolehi secara individu tetapi pada masa ini pemilikan harta juga boleh diperolehi secara kolektif iaitu melalui pemilikan saham-saham dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa teori Marx mengenai kelas tidak boleh digunakan sepenuhnya untuk mengenal pasti kelas menengah Melayu.

Sarjana-sarjana barat masakini juga telah mengambil langkah untuk memulakan kajian mengenai kelas menengah secara khusus sebelum kelas tersebut berkembang. Tetapi kajian-kajian yang telah dijalankan, tidak memperlihatkan satu persamaan dari segi konsep yang dikemukakan. Begitu juga pendekatan yang digunakan adalah berlainan iaitu dari sudut

ekonomi, pekerjaan, politik dan gaya hidup. Bagi pengkaji kesemua pendekatan tersebut saling memerlukan antara satu sama lain. Jadi adalah sukar untuk menentukan pendekatan yang benar-benar tepat. Maka dengan itu pengkaji telah juga mengkaji karya-karya tempatan seperti Nordin Selat misalnya, tetapi kajian Nordin dilakukan pada tahun 1975 dahulu yang berbeza dengan keadaan sekarang. Inilah yang menyebabkan pengkaji menggunakan kriteria yang disebutkan tadi sebagai cara untuk mengenalpasti kelas menengah Melayu.

Setelah beberapa perkara asas yang merupakan perkara awal yang perlu disentuh, pengkaji seterusnya mengaplikasikan teori dan konsep tersebut terhadap responden yang dipilih. Dalam bab keempat, pengkaji telah membahagikan penganalisaan budaya politik kepada tiga bahagian iaitu orientasi pengetahuan, orientasi perasaan dan orientasi penilaian. Penganalisaan tersebut telah menemukan beberapa penemuan.

Penemuan yang penting ialah mengenai corak budaya politik itu sendiri. Bagi pengkaji, responden yang dianalisa mempunyai budaya politik tertakluk-peserta. Budaya politik peserta adalah terdiri dari mereka yang mempunyai orientasi terhadap aspek kerajaan, 'input', 'output' dan diri sebagai peserta. Tetapi di dalam kajian ini menunjukkan responden terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama seperti yang disebutkan tadi mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap aspek 'input', 'output', sistem kerajaan dan diri sebagai peserta. Sementara golongan kedua pula hanya mempunyai

orientasi terhadap aspek 'output' dan sistem politik secara am sahaja. Ini menunjukkan kelas menengah Melayu di Kuala Lumpur khususnya mempunyai budaya politik yang bersifat tertakluk-peserta. Kelas menengah Melayu di Kuala Lumpur ini memang terdedah dengan aspek-aspek kompeten dalam politik.

Maka sebagai kesimpulannya, pengkaji telahpun mengoperasianalisisasikan kedua-dua konsep iaitu budaya politik dan kelas menengah di dalam kajian ini. Tetapi tumpuan utama adalah terhadap corak budaya politik itu sendiri. Sementara kelas menengah Melayu pula adalah merupakan golongan sasaran yang menjadi bahan kajian bagi pengkaji. Akhir sekali pengkaji mengharapkan agar kajian ini menjadi sumber maklumat yang berguna untuk pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk melakukan kajian yang serupa.

-----ooo0ooo-----